

BERITA COVID-19 gkap vaksinasi COVID-19 | Kes baharu COVID-19 meningkat 119 peratus minggu lepas - KP Kesihatan | Singapura

EKONOMI

KPFB dan Siab meterai MoU bagi projek perumahan di Selayang bernilai RM389 juta



Koperasi Peserta-peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Siab Development Sdn Bhd bagi cadangan pembangunan tanah di Sungai Tua, Selayang, Selangor dengan jumlah nilai anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM389 juta. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Siab Holdings Bhd, Meryl Lim (empat, kanan) dan Pengerusi KPFB Datuk Sabari Misran (empat, kiri) yang disaksikan Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (tengah, belakang) - Kredit gambar: Nur Afiradina Arshad)

18/05/2022 06:17 PM

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) – Koperasi Peserta-peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Siab Development Sdn Bhd bagi cadangan pembangunan tanah di Sungai Tua, Selayang, Selangor dengan jumlah nilai anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM389 juta.

Pengerusi KPFB, Datuk Sabari Misran berkata projek perumahan KPFB PR1MA dan KPFB Residensi itu melibatkan tanah milik KPFB berkeluasan 7.9 hektar.

“Kakitangan FELCRA Bhd dan golongan B40 akan diberi keutamaan untuk membeli rumah tersebut. Projek ini disokong oleh FELCRA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

“FELCRA dan SKM sentiasa menggalakkan koperasi melabur dalam bidang hartanah kerana ia terbukti menguntungkan dan menjanjikan pulangan yang lumayan,” katanya pada majlis menandatangani MoU dan sambutan Hari Raya Aidilfitri, di sini hari ini.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Siab Holdings Bhd, Meryl Lim dan Pengerusi KPFB Datuk Sabari Misran yang disaksikan Pengerusi FELCRA, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

Sabari berkata beberapa koperasi yang mempunyai ahli yang ramai turut dilantik sebagai ejen mereka iaitu Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad (KOPENAS), Koperasi Kakitangan FELCRA Malaysia Berhad (KKF) dan Koperasi Hartanah Anggana Berhad (KOHAB).

Projek perumahan itu mengambil masa selama tiga tahun dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

KPFB dijangka memperoleh keuntungan sebanyak 13 peratus GDV iaitu bersamaan dengan RM50 juta menerusi pemeteraian MoU tersebut.

-- BERNAMA

Bernama menyediakan sumber terkini maklumat berita sahih dan komprehensif kepada umum dan agensi media. Berita kami dipaparkan di laman web www.bernama.com ; siaran BERNAMA TV: Saluran Astro 502, Saluran unifi TV 631, Saluran MYTV 121 IFLIX; dan siaran Bernama Radio di frekuensi FM93.9 bagi Lembah Klang, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

Kata Kunci

[mou](#) [kpfb](#) [felcra](#) [siab](#) [projek perumahan](#) [selayang](#)

Berita Berkaitan



PKNS, UiTM meterai MoU pelihara 34.5 hektar SACF



Selangor, Negeri Sembilan jalin kerjasama usahakan penanaman jagung bijirin

SPAN meterai MoU dengan 12 operator air



Lagi Berita

Sedekad Penubuhan, Yayasan Peneraju Terus Perkasa Agenda Bumiputera